

ETP: Tawaran loji nuklear M'sia mungkin seawal 2014
Malaysiakini.com
October 26, 2010

Jika Program Transformasi Ekonomi (ETP) diikuti seratus peratus, maka kontrak untuk loji nuklear pertama akan dikeluarkan seawal tahun 2014.

Ini bagi memastikan unit kembar loji kuasa nuklear dengan jumlah kapasiti 2 gigawatt, di mana unit pertama boleh mula beroperasi pada tahun 2021.

Mengikut garis panduan ETP, garis masa pembangunan adalah dari 11 hingga 12 tahun daripada pra-projek sehingga penyerahan.

Semua kajian bagi mempersiapkan Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear dijangka selesai menjelang hujung tahun ini manakala kerja perancangan akan berakhir pada permulaan 2013 dan kerja pembinaan pula akan bermula pada 2017.

Projek loji nuklear ini dijangka menelan pelaburan RM21.3 bilion sehingga 2020, meskipun tidak jelas sama ada kerajaan akan menanggung perbelanjaan projek itu.

"Untuk memastikan penyampaian tepat pada masanya, projek akan dilancarkan tanpa penangguhan," petik laporan itu.

Empat item laluan genting yang dikenalpasti mesti ditangani dengan keutamaan tertinggi.

- Harus ada penerimaan masyarakat terhadap projek tersebut.
- Malaysia harus menggunakan perjanjian antarabangsa yang berkaitan.
- Kerajaan harus memastikan rangka kerja kawalselia yang betul dikuatkuasakan.
- Persetujuan untuk lokasi yang dirancangan harus diperolehi dan penduduk tempatan juga mesti meluluskan lokasi tersebut.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146468>